

PENDEKATAN PEMBELAJARAN AMALI DALAM PROGRAM JELAJAH KE SEKOLAH: ANALISIS KUALITATIF MAKLUM BALAS PESERTA

(HANDS-ON APPROACH IN THE OUTREACH PROGRAMME: A QUALITATIVE ANALYSIS OF
PARTICIPANTS' FEEDBACK)

ROSLI, H. F.^{1*} – MAHDUN, M.¹

¹ *Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS), Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: hazlinfalina[at]uis.edu.my*

(Received 28th April 2026; revised 20th June 2026; accepted 27th June 2026)

Abstrak. Kajian ini bertujuan meneroka impak Program Jelajah ke sekolah yang dianjurkan oleh Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS) ke sekolah-sekolah menengah melalui pendekatan pembelajaran secara hands-on terhadap minat, aspirasi, dan kefahaman pelajar tentang bidang Komunikasi Massa (Mass Communication) dan Pengajian Bahasa Inggeris. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam yang dilaksanakan di tiga buah sekolah iaitu SMK Dusun Nanding, SMK Sijangkang Jaya, dan SMK Taman Selayang. Analisis temubual digunakan untuk mengenal pasti tema utama daripada maklum balas peserta dan pemerhatian fasilitator. Dapatan kajian menunjukkan tiga tema utama: (i) perubahan aspirasi pelajar daripada tiada hala tuju kepada mempunyai cita-cita, (ii) peningkatan kefahaman terhadap dunia kerjaya sebenar, dan (iii) kesedaran tentang kepentingan pendidikan tinggi serta pengukuhan komunikasi antara pihak sekolah dan pelajar. Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan hands-on berpotensi meningkatkan minat pelajar terhadap bidang tertentu, membentuk aspirasi kerjaya, dan mengukuhkan peranan universiti sebagai penghubung antara dunia akademik dan komuniti sekolah. Implikasi kajian mencadangkan program sebegini diperluas bagi memperkukuh kolaborasi universiti dan sekolah serta menyokong agenda pembangunan modal insan.

Katakunci: *jelajah sekolah, hands-on, MassComm, Bahasa Inggeris, kerjaya*

Abstract. This study aims to explore the impact of the outreach programmes organised by the Faculty of Social Sciences, Universiti Islam Selangor (UIS), at secondary schools through a hands-on learning approach aimed at fostering students' interests, aspirations, and understanding in the fields of Mass Communication and English Language Studies. The data was collected through in-depth interviews conducted at three schools, namely SMK Dusun Nanding, SMK Sijangkang Jaya, and SMK Taman Selayang. The interviews were analysed to identify key themes from participant feedback and facilitator observations. The findings revealed three main themes: (i) a shift in students' aspirations from having no direction to developing ambitions, (ii) increased understanding of the real-world career landscape, and (iii) greater awareness of the importance of higher education and strengthened communication between schools and students. The study highlights that a hands-on approach can enhance students' interest in specific fields, shape their career aspirations, and reinforce the university's role as a bridge between academia and the school community. The implications suggest that such programmes should be expanded to strengthen university-school collaboration and support the human capital development agenda.

Keywords: *school tour, hands-on, MassComm, English, career*

Pengenalan

Program Jelajah Fakulti Sains Sosial (FSS), Universiti Islam Selangor (UIS) ke sekolah merupakan inisiatif outreach strategik universiti yang bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama serta merapatkan hubungan antara institusi pengajian tinggi dan

komuniti pendidikan menengah. Melalui pendekatan hands-on atau pembelajaran berasaskan pengalaman (experiential learning), program ini memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara langsung dalam pengalaman praktikal yang berkaitan dengan bidang Komunikasi Massa. Antara aktiviti hands-on yang dijalankan semasa program outreach ini termasuk pengendalian kamera, penerbitan siaran, pengurusan acara, serta simulasi penghasilan kandungan media. Pengalaman pembelajaran secara langsung ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep dan amalan sebenar dalam industri, malah membantu membina kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan keyakinan diri. Dalam konteks Pengajian Bahasa Inggeris pula, penguasaan bahasa bukan sahaja dilihat sebagai kemahiran linguistik, tetapi juga sebagai kompetensi global yang berkait rapat dengan kebolehpasaran graduan, literasi digital, serta keupayaan komunikasi antara budaya (Ahmad Kamil et al., 2025; Salih dan Omar, 2021; Fang et al., 2020; Fantini, 2020; Genkova dan Kruse, 2020). Kajian terkini menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman mampu meningkatkan keyakinan pelajar dalam penggunaan Bahasa Inggeris secara autentik, khususnya dalam konteks komunikasi profesional dan media (Mariappan, 2025; Dhivya et al., 2023). Pelaksanaan aktiviti hands-on seperti komunikasi interpersonal, pengucapan awam, perbincangan kumpulan dan latihan penyampaian mesej turut diterapkan bagi memperkukuh kemahiran bahasa serta meningkatkan keyakinan berkomunikasi. Penglibatan aktif sebegini didapati dapat mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap aplikasi sebenar bidang pengajian, di samping meningkatkan motivasi dan minat terhadap pembelajaran.

Melalui pendekatan hands-on, pelajar sekolah dapat memahami dengan lebih jelas laluan akademik serta peluang kerjaya yang berkaitan dengan bidang pengajian Komunikasi Massa dan Bahasa Inggeris di peringkat pengajian tinggi (Madan et al., 2026; Hamidani et al., 2025; Aksoy dan McCord, 2024; Abd Rahim et al., 2022; Campbell dan Gedat, 2021). Ini kerana pelajar bukan sahaja didedahkan kepada gambaran sebenar industri media, penyiaran, dan penggunaan bahasa, malah turut dibimbing untuk memahami keperluan kemahiran yang diperlukan dalam bidang tersebut. Pendedahan ini membantu pelajar membina gambaran kerjaya yang lebih jelas dan realistik, sekali gus menyokong proses pembentukan aspirasi pendidikan dan kerjaya mereka. Sehubungan itu, pendekatan hands-on yang diaplikasikan dalam Program Jelajah FSS UIS bukan sahaja memberi pendedahan kepada aspek teknikal bidang komunikasi, tetapi turut menyokong pembangunan kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris melalui aktiviti seperti penghasilan kandungan media, simulasi penyiaran, dan interaksi fasilitator dan pelajar. Pendedahan awal bidang pengajian seperti Komunikasi Massa dan Pengajian Bahasa Inggeris kepada pelajar sekolah menengah adalah signifikan dalam membentuk kesiapsiagaan pelajar menghadapi keperluan industri masa hadapan (Ghazali et al., 2024; Karim et al., 2024). Pendekatan ini selari dengan keperluan pedagogi abad ke-21 yang menekankan pembelajaran aktif, autentik, dan berpusatkan pelajar, selaras dengan transformasi pendidikan global yang menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam pembinaan pengetahuan dan pengalaman pembelajaran bermakna (OECD, 2018).

Program Jelajah FSS ini turut menyasarkan peningkatan kesedaran pelajar sekolah terhadap kepentingan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi serta memperkukuh hubungan antara universiti, guru dan pelajar sekolah. Pelaksanaan program Jelajah FSS di Tiga lokasi terpilih, iaitu SMK Dusun Nanding, SMK Sijangkang Jaya, dan SMK Taman Selayang, membolehkan pengumpulan maklum

balas berkaitan perubahan motivasi pelajar, tahap kefahaman terhadap bidang Komunikasi Massa dan Bahasa Inggeris, serta keperluan memperkukuh strategi komunikasi antara institusi pendidikan tinggi dan sekolah bagi menyokong aspirasi pendidikan tinggi. Memandangkan Program Jelajah FSS UIS ini merupakan pelaksanaan pertama yang mengintegrasikan pendekatan hands-on, keberkesanan pendekatan tersebut masih belum dapat dipastikan secara menyeluruh. Walaupun pendekatan hands-on ini dilihat berpotensi untuk meningkatkan kefahaman, keyakinan, dan minat pelajar, keberkesanannya dalam konteks program outreach ke sekolah masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Hal ini khususnya penting dalam menilai sejauh mana pengalaman hands-on yang disediakan bukan sahaja mampu memberi pendedahan awal kepada bidang Komunikasi Massa dan Pengajian Bahasa Inggeris, tetapi juga berupaya membentuk aspirasi kerjaya serta meningkatkan keyakinan pelajar dalam menggunakan Bahasa Inggeris dalam situasi autentik. Oleh itu, penilaian terhadap impak pelaksanaan program ini menjadi signifikan bagi memastikan pendekatan yang digunakan benar-benar memenuhi keperluan pelajar serta menyokong pembangunan laluan pendidikan dan kerjaya mereka secara lebih berkesan.

Pernyataan masalah

Walaupun pelbagai inisiatif outreach telah dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan minat pelajar sekolah terhadap pendidikan tinggi, masih terdapat sebahagian pelajar yang menunjukkan tahap aspirasi kerjaya yang rendah serta kurang kefahaman terhadap laluan akademik dan peluang kerjaya, khususnya dalam bidang Komunikasi Massa dan Pengajian Bahasa Inggeris (Lau et al., 2021). Keadaan ini sering dikaitkan dengan keterbatasan pendedahan awal kepada bidang pengajian serta kekurangan pengalaman pembelajaran yang autentik dan berasaskan situasi sebenar, yang mana literatur menunjukkan bahawa pendedahan awal melalui pendekatan hands-on dan outreach memainkan peranan penting dalam meningkatkan pemahaman akademik serta kesiapsiagaan kerjaya pelajar (Huang et al., 2022; Ghazzawi et al., 2019; OECD, 2018). Situasi ini turut dipengaruhi oleh pendekatan pengajaran di sekolah yang masih cenderung berorientasikan teori dan peperiksaan, sekali gus kurang berupaya menghubungkan pengetahuan dengan aplikasi dunia sebenar (Khan et al., 2025). Hal ini menyebabkan pelajar sukar membayangkan bagaimana bidang seperti Komunikasi Massa diaplikasikan dalam industri media dan penyiaran, serta bagaimana Bahasa Inggeris digunakan dalam konteks komunikasi profesional. Kekurangan pengalaman pembelajaran berasaskan pengalaman ini seterusnya memberi kesan terhadap motivasi, minat, dan kejelasan hala tuju kerjaya pelajar (Abd Rahim et al., 2022; Huang et al., 2022).

Di samping itu, walaupun Bahasa Inggeris diajar secara meluas di sekolah, penggunaannya masih terhad kepada konteks bilik darjah dan peperiksaan. Keadaan ini menyebabkan pelajar kurang keyakinan untuk mengaplikasikan bahasa tersebut dalam situasi komunikasi sebenar, khususnya dalam konteks industri, media, dan interaksi profesional (Khan et al., 2025; Aziz dan Kashinathan, 2021). Justeru, wujud keperluan untuk memperluas pengalaman pembelajaran yang mengintegrasikan penggunaan Bahasa Inggeris secara autentik dengan aplikasi bidang pengajian. Walaupun program outreach universiti telah diperkenalkan sebagai salah satu pendekatan untuk merapatkan jurang ini, kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi tumpuan kepada aspek akses pendidikan dan peningkatan aspirasi secara umum, tanpa meneliti secara mendalam kesan pendekatan hands-on terhadap aspirasi kerjaya, kefahaman bidang, serta

penggunaan Bahasa Inggeris dalam konteks autentik secara serentak. Dalam hal ini, pendekatan hands-on yang diketengahkan dalam Program Jelajah FSS UIS berpotensi menjadi mekanisme penting dalam merapatkan jurang antara pengetahuan teori dan aplikasi praktikal serta meningkatkan student engagement (Jusoh et al., 2025; Lau et al., 2019; Chung dan Mathew, 2018).

Namun demikian, memandangkan Program Jelajah FSS UIS ini merupakan antara pelaksanaan awal yang mengintegrasikan pendekatan hands-on secara sistematik dalam konteks outreach ke sekolah, keberkesanannya masih belum dikaji secara menyeluruh. Kebanyakan kajian terdahulu juga masih menumpukan kepada impak umum program outreach terhadap aspirasi pendidikan, tanpa meneliti secara khusus bagaimana pengalaman pembelajaran berasaskan pengalaman ini mempengaruhi kefahaman bidang Komunikasi Massa, penguasaan dan keyakinan penggunaan Bahasa Inggeris, serta pembentukan aspirasi kerjaya pelajar (Fong et al., 2025; Huang et al., 2022). Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka secara empirikal bagaimana pendekatan hands-on dalam Program Jelajah FSS UIS berfungsi sebagai medium yang bukan sahaja meningkatkan minat dan aspirasi pelajar, tetapi juga memperkukuh kefahaman terhadap bidang pengajian serta keyakinan dalam penggunaan Bahasa Inggeris dalam konteks autentik. Kajian ini seterusnya mengisi jurang literatur dengan meneliti hubungan antara pengalaman pembelajaran berasaskan pengalaman, kefahaman bidang, student engagement, dan pembentukan aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah dalam konteks tempatan Malaysia.

Sorotan literatur

Program Outreach universiti ke sekolah

Program outreach atau program jelajah universiti ke sekolah merupakan inisiatif strategik yang menghubungkan institusi pendidikan tinggi dengan komuniti sekolah. Program ini lazimnya dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti seperti lawatan kampus, bengkel akademik, ceramah kerjaya, dan program pengayaan. Matlamat utama program outreach ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar sekolah tentang pendidikan tinggi, pengenalan program pengajian di institusi pendidikan, pembinaan aspirasi akademik, serta perancangan laluan kerjaya masa hadapan (Abd Rahim et al., 2022; Geagea dan MacCallum, 2020). Pelaksanaan program outreach di Malaysia selari dengan sejajar dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam memperluas akses pendidikan tinggi, khususnya kepada pelajar sekolah daripada latar belakang sosioekonomi rendah dan luar bandar. Matlamat ini diperkukuh melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang menekankan akses, ekuiti, dan kualiti pendidikan tinggi. Menerusi pelan ini, institusi pendidikan tinggi digalakkan untuk memainkan peranan yang lebih proaktif dalam mendekati komuniti sekolah bagi meningkatkan kesedaran dan aspirasi pelajar terhadap pendidikan tinggi.

Pendekatan Hands-on dalam pendidikan

Pendekatan hands-on atau pembelajaran berasaskan pengalaman semakin signifikan dalam bidang pendidikan moden kerana ia menyokong pembelajaran berpusatkan pelajar (student-centered learning) serta meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Duchatelet et al., 2024; Kong, 2021; OECD, 2018; Cardullo et al., 2015). Pendekatan hands-on merujuk kepada pengetahuan yang dibina melalui

pengalaman dan interaksi langsung antara pelajar dengan persekitaran pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran melalui aktiviti praktikal, simulasi, atau pengalaman langsung (Archer et al., 2026; Morris, 2020; Fenwick, 2000). Pendekatan hands-on ini berakar daripada teori konstruktivisme yang menekankan bahawa pengetahuan dibina lebih bermakna melalui interaksi aktif dan sosial. Pembelajaran secara hands-on ini menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam minat, motivasi, kefahaman konsep, dan prestasi di kalangan pelajar dalam pelbagai bidang, termasuk sains, teknologi, dan seni kreatif (Chen dan Liu, 2025; Holstermann et al., 2010). Malah, pembelajaran yang komprehensif dalam pendekatan hands-on menyumbang kepada pembangunan kemahiran praktikal, memperkukuh penglibatan dalam pembelajaran, serta meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis (Duchatelet et al., 2024).

Pendekatan hands-on terbukti berkesan dalam meningkatkan pemahaman konsep, penglibatan pelajar, serta pencapaian akademik merentas pelbagai disiplin. Dalam bidang STEM, kajian menunjukkan bahawa pendekatan hands-on memberi kesan positif yang signifikan terhadap keupayaan pelajar dalam memahami konsep kompleks serta menyampaikan idea saintifik secara lebih efektif (Duchatelet et al., 2024). Pembelajaran hands-on menunjukkan peningkatan dalam penglibatan, fokus, dan interaksi di kalangan pelajar yang membawa kepada pengukuhan kefahaman tentang konsep dalam bidang STEM. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang mendapati bahawa pelaksanaan pembelajaran interaktif dan hands-on meningkatkan pengetahuan serta persepsi pelajar terhadap kandungan pembelajaran. Selain itu, pembelajaran berasaskan pengalaman menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih bermakna melalui integrasi aktiviti praktikal dan refleksi sendiri (Genkova dan Kruse, 2020). Kajian semasa secara konsisten menunjukkan bahawa pendekatan hands-on meningkatkan tahap penglibatan pelajar (student engagement) melalui penglibatan aktif dalam proses pembelajaran. Wang et al. (2024) melaporkan bahawa pembelajaran hands-on meningkatkan tahap motivasi dan penglibatan pelajar di universiti serta turut mengurangkan tekanan pembelajaran di kalangan pelajar kerana mereka lebih menikmati proses pembelajaran. Dapatan ini disokong oleh kajian sistematik yang menunjukkan bahawa pembelajaran hands-on membantu meningkatkan minat pelajar selain menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan bermakna. Secara keseluruhan, pelajar menunjukkan tahap komitmen yang lebih tinggi apabila mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti 'learning by doing' berbanding pembelajaran berbentuk penerangan teori semata-mata (Wang et al., 2024; Erickson et al., 2020).

Dalam bidang Komunikasi dan Pengajian Bahasa Inggeris, pendekatan hands-on merupakan strategi pedagogi yang lebih signifikan dalam menghubungkan pengetahuan teori dengan aplikasi dunia sebenar kerana kedua-dua bidang ini menekankan kemahiran praktikal seperti komunikasi lisan, penulisan, penyampaian idea dan interaksi sosial. Pendekatan hands-on dalam kedua-dua bidang ini menekankan penglibatan aktif pelajar melalui simulasi, aplikasi, projek praktikal dan aktiviti komunikasi bermakna yang memperkukuh kemahiran kognitif serta kemahiran praktikal. Dalam bidang Komunikasi, pendekatan hands-on memainkan peranan penting dalam pembangunan kemahiran profesional seperti penghasilan kandungan media, penyiaran,ewartawanan, dan komunikasi korporat. Kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman serta penggunaan teknologi multimedia bukan sahaja dapat meningkatkan penglibatan pelajar, tetapi juga memperkukuh kemahiran komunikasi, kolaborasi dan pemikiran kritis (Hamidani et al., 2025; Wang et al., 2022).

Menerusi aktiviti seperti simulasi, produksi media, dan komunikasi digital, pelajar dapat menghubungkan teori komunikasi dengan amalan industri sebenar, sekali gus menjadikan pembelajaran lebih autentik dan bermakna. Aktiviti pembelajaran praktikal seperti simulasi dan penerokaan teknikal bukan sahaja meningkatkan motivasi pelajar, malah membantu mereka mengaitkan pembelajaran dengan keperluan kerjaya sebenar (Hamidani et al., 2025; Wang et al., 2022). Keadaan ini secara langsung menyokong pembentukan aspirasi kerjaya dalam bidang profesional. Sejajar dengan itu, Kang et al. (2022) turut mendapati bahawa pendekatan berasaskan pengalaman melalui projek dan simulasi dapat meningkatkan kompetensi komunikasi, kerja berpasukan dan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar pendidikan tinggi.

Dalam Pengajian Bahasa Inggeris, pendekatan hands-on seperti role-play, perbincangan kumpulan, pengucapan awam, penceritaan, dan penulisan kreatif terbukti berkesan dalam meningkatkan kecekapan komunikatif pelajar. Aktiviti berasaskan pengalaman ini membolehkan pelajar menggunakan bahasa secara bermakna dalam konteks autentik, sekali gus meningkatkan kefasihan, keyakinan diri dan willingness to communicate dalam kalangan pelajar ESL. Kajian juga menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa berasaskan kolaborasi dan penghasilan kandungan digital membantu merapatkan jurang antara pengetahuan linguistik dan penggunaan bahasa dalam situasi sebenar, di samping meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dan penulisan (Aubrey, 2022). Pendekatan ini turut menggalakkan autonomi pelajar serta penglibatan aktif dalam proses pembelajaran bahasa. Dalam konteks Malaysia, kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran aktif seperti cooperative learning berupaya meningkatkan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan dalam kalangan pelajar universiti (Ismail et al., 2015; Mohamad et al., 2014). Dapatan ini mengukuhkan kepentingan pendekatan hands-on dalam melahirkan graduan komunikasi yang kompeten, berdaya saing serta bersedia memenuhi keperluan industri media dan komunikasi korporat. Sejajar dengan itu, kajian dalam bidang Pengajian Bahasa Inggeris turut mendapati bahawa aktiviti komunikatif seperti pembentangan lisan dan pembelajaran berkumpulan meningkatkan pencapaian bahasa serta keyakinan komunikasi pelajar (Jasmih dan Ngui, 2026).

Di peringkat pendidikan menengah, pendekatan hands-on ini sangat relevan kerana ia merupakan faktor signifikan dalam meningkatkan motivasi di kalangan pelajar terhadap pembelajaran. Satu kajian yang dijalankan di sekolah menengah di Narayanganj, Bangladesh mendapati bahawa penggunaan pelbagai deria dalam pembelajaran hands-on di sekolah meningkatkan motivasi serta inspirasi pelajar terhadap pembelajaran. Pendekatan ini menggunakan pendekatan berasaskan masalah yang membolehkan pelajar terlibat secara aktif dalam pengalaman pembelajaran serta proses mencari penyelesaian. Pengalaman ini juga membantu pelajar membina kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang diperlukan untuk pembelajaran bermakna. Selain itu, kajian Holstermann et al. (2010) mendapati bahawa aktiviti hands-on meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran biologi, menunjukkan bahawa penglibatan langsung memainkan peranan penting dalam membentuk minat akademik. Di samping itu, pemahaman mengenai kandungan pelajaran melalui aktiviti hands-on bukan sahaja membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan, tetapi mereka juga membina kemahiran berfikir. Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa pendekatan hands-on atau pembelajaran hands-on merupakan strategi pedagogi yang berkesan dalam meningkatkan motivasi, pemahaman, dan penglibatan pelajar, khususnya dalam bidang Komunikasi dan Pengajian Bahasa Inggeris yang menekankan aplikasi secara

praktikal. Pendekatan hands-on bukan sahaja memperkukuh pencapaian akademik, malah turut membangunkan kemahiran abad ke-21 seperti komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, dan penyelesaian masalah. Walau bagaimanapun, keberkasanaan pelaksanaan pendekatan hands-on ini memerlukan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak dari segi sumber, latihan pengajar serta penyesuaian konteks pendidikan agar impaknya dapat dimaksimumkan.

Pendedahan awal dalam membentuk aspirasi kerjaya

Pendedahan awal kepada bidang pengajian dan persekitaran profesional merupakan elemen penting dalam pembentukan aspirasi kerjaya pelajar (Karim dan Rasdi, 2021). Berdasarkan Social Cognitive Career Theory (SCCT), pembangunan aspirasi kerjaya dipengaruhi oleh efikasi sendiri, jangkaan hasil serta pengalaman pembelajaran yang diperoleh melalui interaksi dengan persekitaran sebenar. Dalam konteks ini, pendedahan awal berperanan sebagai pemangkin yang membentuk keyakinan, minat serta hala tuju kerjaya pelajar melalui proses pembelajaran sosial dan pengalaman langsung. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran yang autentik dan berasaskan situasi dunia sebenar dapat meningkatkan kejelasan aspirasi kerjaya serta memperkukuh motivasi akademik pelajar. Pelajar yang terlibat dalam aktiviti pembelajaran bermakna cenderung membina persepsi yang lebih realistik terhadap bidang pengajian serta peluang kerjaya yang berkaitan, seterusnya meningkatkan efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya (Abu Bakar et al., 2024; Hamzah et al., 2021).

Dalam konteks Komunikasi dan Pengajian Bahasa Inggeris, pendedahan awal kepada aktiviti seperti produksi media, simulasi komunikasi profesional, latihan industri, serta penggunaan bahasa Inggeris dalam situasi autentik dapat membantu pelajar menghubungkan pembelajaran akademik dengan keperluan kerjaya sebenar. Pendekatan hands-on ini bukan sahaja meningkatkan minat terhadap bidang tersebut, malah turut memperkukuh keupayaan komunikasi, keyakinan diri, dan kesediaan kerjaya (career readiness) pelajar dalam menguasai kemahiran yang diperlukan dalam persekitaran profesional (Hamzah et al., 2021). Secara keseluruhannya, kajian literatur menegaskan bahawa pendedahan awal melalui pengalaman pembelajaran yang autentik memainkan peranan signifikan dalam membentuk aspirasi kerjaya pelajar. Elemen ini menjadi semakin ketara apabila digabungkan dengan pendekatan hands-on, kerana ia membolehkan pelajar mengaitkan teori dengan amalan sebenar, sekali gus menyokong pembentukan hala tuju kerjaya yang lebih jelas, bermakna dan realistik.

Integrasi pendekatan Hands-on dalam program Outreach

Integrasi pendekatan hands-on dalam program outreach universiti ke sekolah merupakan strategi pedagogi yang semakin mendapat perhatian dalam pendidikan tinggi dan sekolah kerana keupayaannya menghubungkan pengetahuan teori dan aplikasi dunia sebenar. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja menerima maklumat secara teori, tetapi turut terlibat secara langsung dalam aktiviti pembelajaran seperti simulasi, bengkel interaktif, projek mini, dan pengalaman dunia sebenar yang berkaitan dengan bidang pengajian. Pengalaman langsung yang diperoleh oleh pelajar ini meningkatkan pemahaman konsep serta motivasi pelajar dalam proses pembelajaran. Menerusi program outreach, pendekatan hands-on membolehkan pelajar mengalami sendiri aplikasi ilmu dalam konteks sebenar, sekali gus meningkatkan kefahaman dan minat mereka terhadap bidang yang diperkenalkan. Dalam bidang Komunikasi, misalnya,

pelajar boleh terlibat dalam aktiviti seperti penghasilan kandungan media, simulasi liputan berita, dan penggunaan peralatan komunikasi, yang membantu mereka memahami realiti industri media secara lebih autentik. Kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman dan multimedia bukan sahaja meningkatkan kemahiran komunikasi, tetapi juga mengukuhkan kolaborasi dan pemikiran kritis pelajar (Wibowo et al., 2024).

Program outreach universiti ke sekolah merupakan platform penting dalam memberikan meningkatkan aspirasi Pendidikan dan kesedaran kerjaya pelajar. Kajian empirikal menunjukkan bahawa pendedahan awal kepada persekitaran universiti meningkatkan motivasi serta kejelasan hala tuju akademik, khususnya dalam kalangan pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah. Dalam konteks Malaysia, inisiatif program outreach oleh IPTA seperti UKM dan UM menunjukkan bahawa pendedahan awal kepada persekitaran universiti meningkatkan keyakinan pelajar untuk melanjutkan pengajian tinggi serta memperkukuh aspirasi akademik mereka. Selari dengan itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang komunikasi dan bahasa, khususnya apabila digabungkan dengan aktiviti interaktif dan kolaboratif (Wibowo et al., 2024). Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan program outreach bukan sahaja bergantung kepada penyampaian maklumat, tetapi juga kepada kualiti pengalaman pembelajaran yang disediakan. Keberkesanan program outreach menjadi lebih signifikan apabila disokong oleh pendekatan hands-on, iaitu apabila pelajar bukan sahaja menerima maklumat secara pasif, tetapi turut terlibat secara aktif melalui pengalaman praktikal yang membolehkan mereka mengaitkan pengetahuan dengan aplikasi sebenar. Secara keseluruhannya, literatur menegaskan bahawa integrasi pendekatan hands-on dalam program outreach meningkatkan keberkesanan intervensi pendidikan melalui penglibatan aktif pelajar, pengukuhan kefahaman konsep serta pembentukan aspirasi akademik dan kerjaya. Pendekatan ini menjadikan program outreach lebih bermakna kerana ia menghubungkan pendedahan awal dengan pengalaman pembelajaran autentik, sekali gus memperkukuh minat, kefahaman dan hala tuju kerjaya pelajar secara lebih jelas, realistik dan berorientasikan masa hadapan.

Impak program Outreach terhadap pembentukan aspirasi pendidikan dan kerjaya pelajar

Kajian literatur menunjukkan bahawa program outreach universiti ke sekolah berupaya meningkatkan aspirasi pendidikan serta kecenderungan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Pendedahan awal kepada persekitaran universiti melalui lawatan kampus, bengkel akademik dan interaksi dengan pensyarah didapati meningkatkan keyakinan pelajar dalam merancang laluan pendidikan mereka. Dapatan ini selari dengan kajian yang menunjukkan bahawa pelajar daripada komuniti kurang berkemampuan menunjukkan peningkatan minat terhadap pendidikan tinggi selepas menyertai program outreach, khususnya apabila halangan persepsi terhadap akses universiti dapat dikurangkan melalui pengalaman langsung. Penemuan ini turut disokong oleh kajian terkini yang menegaskan bahawa program outreach yang berstruktur dan berterusan berupaya meningkatkan kesedaran, aspirasi dan kecenderungan pelajar untuk melanjutkan pengajian, terutamanya dalam kalangan pelajar generasi pertama universiti, melalui gabungan elemen pendedahan, interaksi sosial dan pengalaman autentik. Selain itu, aspirasi pendidikan dan kerjaya pelajar turut dipengaruhi oleh faktor seperti pendedahan kepada role model, pengalaman praktikal

dan akses kepada maklumat kerjaya yang relevan, seperti yang dihuraikan dalam Social Cognitive Career Theory. Dalam konteks ini, program outreach yang mengintegrasikan aktiviti interaktif dan berasaskan pengalaman membolehkan pelajar membina kefahaman yang lebih jelas mengenai laluan kerjaya serta meningkatkan efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya.

Dalam bidang Komunikasi, program outreach yang melibatkan pendekatan hands-on seperti pengendalian peralatan media, simulasi liputan berita, penghasilan kandungan digital dan pengucapan awam memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami secara langsung proses kerja dalam industri komunikasi. Pengalaman ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman terhadap bidang tersebut, tetapi juga membantu pelajar mengenal pasti minat dan kecenderungan kerjaya mereka. Kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada pengalaman autentik dalam bidang media dapat meningkatkan efikasi sendiri dan minat terhadap kerjaya komunikasi (Fanta et al., 2022), di samping mengukuhkan kemahiran komunikasi, kolaborasi dan pemikiran kritis (Kang et al., 2022). Dalam bidang Pengajian Bahasa Inggeris pula, program outreach yang melibatkan aktiviti seperti bengkel komunikasi, simulasi situasi profesional, debat, penulisan kreatif dan pendedahan kepada kerjaya berkaitan bahasa seperti penterjemahan, pengajaran, komunikasi korporat dan media dapat memperluas pemahaman pelajar terhadap aplikasi sebenar bahasa dalam dunia pekerjaan. Pendekatan hands-on ini membantu meningkatkan keyakinan berbahasa, kecekapan komunikasi serta kesedaran terhadap kepelbagaian laluan kerjaya dalam bidang bahasa. Kajian institusi di Malaysia turut menunjukkan bahawa pendedahan awal kepada aktiviti komunikasi autentik meningkatkan minat pelajar terhadap bidang bahasa serta menggalakkan mereka mempertimbangkan kerjaya dalam sektor pendidikan, media dan industri kreatif. Secara keseluruhannya, program outreach yang menggabungkan pendedahan akademik, interaksi sosial dan pengalaman hands-on bukan sahaja meningkatkan aspirasi pendidikan pelajar, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan aspirasi kerjaya, khususnya dalam bidang Komunikasi dan Pengajian Bahasa Inggeris. Pendekatan hands-on membantu pelajar membina pemahaman yang lebih jelas, realistik dan bermakna terhadap peluang kerjaya masa hadapan, sekali gus menyokong pembangunan modal insan yang berkemahiran, berdaya saing dan bersedia menghadapi keperluan industri.

Instrumen dan Metod Kajian

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneroka secara mendalam persepsi dan pengalaman pelajar sekolah yang menyertai Program Jelajah Fakulti Sains Sosial (FSS), UIS. Reka bentuk kajian kes dipilih kerana ia sesuai untuk memahami sesuatu fenomena dalam konteks sebenar secara menyeluruh, khususnya yang melibatkan pembelajaran hands-on dan interaksi sosial dalam persekitaran pendidikan. Pendekatan kualitatif ini membolehkan pengkaji meneliti bagaimana pelajar mentafsir pengalaman mereka sepanjang aktiviti hands-on dalam program outreach, serta bagaimana pengalaman tersebut mempengaruhi motivasi, minat, dan aspirasi kerjaya mereka. Penyelidikan kualitatif sesuai digunakan untuk memahami makna yang dibina oleh peserta berdasarkan pengalaman sebenar mereka, khususnya dalam konteks pendidikan yang bersifat interaktif dan kontekstual.

Lokasi kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah yang terlibat dalam Program Jelajah FSS UIS, iaitu: SMK Dusun Nanding, SMK Sijangkang Jaya, dan SMK Taman Selayang. Pemilihan lokasi ini dibuat secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) kerana sekolah-sekolah tersebut merupakan lokasi pelaksanaan intervensi kajian. Kaedah ini selari dengan reka bentuk kajian kes yang menekankan pemilihan kes yang kaya dengan maklumat bagi membolehkan analisis mendalam dan kontekstual dilakukan. Pendekatan ini turut disokong oleh kajian terkini yang menegaskan bahawa kajian kes kualitatif berupaya memberikan pemahaman yang mendalam terhadap fenomena kompleks melalui penerokaan konteks sebenar dan penggunaan pelbagai sumber data. Selain itu, pemilihan kes secara bertujuan merupakan amalan lazim dalam kajian kes bagi memastikan kes yang dipilih mampu menyumbang secara signifikan kepada pengembangan pengetahuan dan kefahaman fenomena yang dikaji. Ketiga-tiga sekolah ini juga dipilih kerana mewakili konteks sosioekonomi dan persekitaran pembelajaran yang berbeza, sekali gus membolehkan variasi pengalaman peserta dianalisis secara lebih komprehensif. Kepelbagaian konteks ini penting dalam penyelidikan kualitatif bagi memperkayakan data serta memperkuat interpretasi dapatan kajian.

Peserta kajian

Peserta kajian terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang terlibat secara langsung dalam aktiviti hands-on yang dijalankan semasa Program Jelajah FSS UIS. Pemilihan peserta dilakukan menggunakan pensampelan bertujuan (purposive sampling) bagi memastikan hanya responden yang mempunyai pengalaman langsung dan relevan dengan intervensi kajian dipilih. Pendekatan ini sesuai dalam kajian kualitatif kerana ia memberi keutamaan kepada kes yang kaya dengan maklumat (information-rich cases) untuk mendapatkan pemahaman mendalam terhadap fenomena yang dikaji. Seramai sembilan (9) orang pelajar, iaitu tiga orang dari setiap sekolah yang terlibat, telah dipilih sebagai peserta temu bual. Saiz sampel yang kecil tetapi terfokus ini adalah konsisten dengan pendekatan kajian kualitatif yang menekankan kedalaman data berbanding keluasan sampel, khususnya dalam kajian kes yang bersifat eksploratori.

Pengumpulan data

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual mendalam (in-depth interview) yang dijalankan secara bersemuka selepas pelaksanaan program outreach selesai. Temu bual ini menggunakan protokol soalan separa berstruktur, yang membolehkan pengkaji mengekalkan fokus terhadap objektif kajian sambil memberi ruang kepada peserta untuk menghuraikan pengalaman mereka secara terbuka dan fleksibel. Setiap sesi temu bual berlangsung selama 20 hingga 30 minit dan dirakam audio dengan kebenaran peserta bagi tujuan transkripsi dan analisis lanjut. Kaedah ini membolehkan pengumpulan data yang kaya dan mendalam berkaitan persepsi, pengalaman serta maklum balas pelajar terhadap pendekatan hands-on dalam program outreach, selari dengan prinsip pengumpulan data kualitatif yang menekankan konteks dan makna pengalaman peserta. Data temu bual dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik (thematic analysis) yang dipelopori oleh Braun dan Clarke (2021, 2006). Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan

pola atau tema utama dalam data kualitatif, di samping membolehkan pengkaji memahami makna yang dibina oleh peserta berdasarkan pengalaman mereka terhadap program outreach berasaskan pembelajaran hands-on.

Proses analisis dijalankan secara sistematik melalui enam fasa utama sebagaimana disarankan oleh Braun dan Clarke (2021). Fasa pertama melibatkan pengenalan data, iaitu transkrip temu bual dibaca berulang kali bagi membolehkan pengkaji memahami keseluruhan kandungan secara mendalam. Fasa kedua ialah penjanaan kod awal, di mana segmen data yang signifikan dikenal pasti dan dikodkan mengikut makna yang berkaitan dengan pengalaman pelajar, penglibatan aktiviti hands-on serta aspirasi kerjaya. Seterusnya, dalam fasa ketiga, kod-kod yang telah dijana disusun semula bagi membentuk tema awal yang lebih bermakna. Fasa keempat melibatkan semakan tema, iaitu proses menilai kesesuaian tema berdasarkan keseluruhan data bagi memastikan keselarasan dan ketepatan interpretasi. Fasa kelima pula ialah penakrifan dan penamaan tema, di mana setiap tema ditakrifkan dengan jelas berdasarkan intipati makna yang terkandung dalam data. Akhir sekali, dalam fasa keenam, penulisan laporan analisis dijalankan dengan menghubungkan tema-tema yang terhasil dengan objektif kajian serta sorotan literatur yang berkaitan. Pendekatan ini membolehkan analisis yang mendalam dan fleksibel terhadap pengalaman peserta, khususnya dalam memahami bagaimana pendekatan pembelajaran hands-on dalam program outreach mempengaruhi penglibatan, kefahaman dan aspirasi kerjaya pelajar. Selain itu, analisis tematik juga meningkatkan kejelasan interpretasi data kerana ia membolehkan pola makna yang berulang dikenal pasti secara sistematik dalam konteks kajian kes (Braun dan Clarke, 2021).

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Analisis temu bual mendalam menghasilkan tiga tema utama yang menggambarkan impak Program Jelajah FSS UIS terhadap pelajar sekolah yang terlibat.

Tema 1: Pembentukan aspirasi kerjaya melalui pendekatan Hands-on

Ramai responden mengakui bahawa sebelum menyertai program, mereka tidak mempunyai hala tuju atau cita-cita yang jelas. Namun, pengalaman hands-on seperti mengendalikan kamera, menghasilkan tugas media, dan berinteraksi dengan fasilitator universiti telah mendorong mereka untuk melihat kemungkinan melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi.

"Sebelum ni saya tak tahu nak sambung belajar apa... tapi lepas cuba pegang kamera dan buat tugas tu, rasa macam seronok. Rasa nak sambung belajar bidang MassComm." (R1, SMK Dusun Nanding)

"Dulu saya fikir universiti tu cuma untuk orang pandai je... sekarang saya rasa saya pun boleh kalau saya usaha." (R7, SMK Sijangkang Jaya)

Tema 2: Peningkatan kefahaman tentang dunia kerjaya sebenar

Aktiviti hands-on seperti mengendalikan peralatan kamera, menjalankan rakaman, dan menghasilkan liputan berita membolehkan pelajar memahami secara langsung skop bidang kerjaya MassComm dan Bahasa Inggeris yang sebelum ini asing bagi mereka.

"Baru tahu kerja wartawan tu bukan setakat tulis berita... kena ambil gambar, buat video, berlakon semua kena buat." (R2, SMK Taman Selayang)

"Saya rasa pengalaman ni berharga... sebab tak semua sekolah ada peluang macam ni." (R8, SMK Sijangkang Jaya)

Tema 3: Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan tinggi dan jaringan sekolah–universiti

Pendedahan program ini bukan sahaja meningkatkan minat terhadap bidang tertentu, tetapi juga membina kesedaran tentang pentingnya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Komunikasi dua hala antara fasilitator universiti dan pelajar sekolah turut mewujudkan hubungan positif yang menggalakkan.

"Lepas dengar cerita kakak-kakak universiti tu, rasa nak sambung belajar." (R5, SMK Dusun Nanding)

"Best sebab fasi-fasi, cikgu-cikgu pun join sama, macam semua sokong kita untuk terus belajar." (R9, SMK Taman Selayang)

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pendekatan hands-on mampu memberi impak positif terhadap minat dan aspirasi kerjaya pelajar sekolah, selari dengan dapatan kajian Kolb (1984) yang menegaskan pembelajaran berasaskan pengalaman meningkatkan pemahaman dan motivasi. Pertama, pembentukan aspirasi kerjaya jelas kelihatan apabila pelajar yang pada awalnya tidak mempunyai cita-cita mula menetapkan matlamat selepas merasai sendiri pengalaman praktikal. Hal ini konsisten dengan teori yang menyatakan pendedahan kerjaya secara langsung boleh mempengaruhi aspirasi dan pilihan masa depan pelajar. Kedua, peningkatan kefahaman tentang bidang kerjaya menunjukkan bahawa maklumat yang disampaikan melalui pengalaman langsung lebih mudah diingat dan dihayati berbanding penerangan teori semata-mata. Ini menyokong dapatan Prince (2004) yang menyatakan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti praktikal memberi kesan positif terhadap penguasaan ilmu. Ketiga, kesedaran tentang kepentingan pendidikan tinggi yang terbentuk hasil interaksi dengan fasilitator universiti menunjukkan potensi program jelajah sebagai medium penghubung antara universiti dan sekolah. Ini selari dengan pandangan bahawa program outreach berupaya memupuk aspirasi pendidikan pelajar khususnya dari latar sosio ekonomi sederhana atau rendah. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa Program Jelajah ke sekolah ini bukan sahaja berjaya memupuk minat pelajar terhadap bidang komunikasi massa dan Bahasa Inggeris, tetapi juga berpotensi menjadi model program outreach berimpak tinggi bagi menggalakkan kesinambungan pendidikan dari sekolah ke universiti.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan, pengukuhan pelaksanaan, dan keberlanjutan Program Jelajah ke Sekolah pada masa hadapan. Cadangan ini diharap dapat memperluas impak program bukan sahaja terhadap pelajar sekolah, malah terhadap hubungan strategik antara universiti, sekolah, industri, dan komuniti setempat. Pertama, dari aspek peluasan skop program wajar dipertimbangkan dengan menyasarkan lebih banyak sekolah, khususnya di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Langkah ini penting bagi memastikan

manfaat program dapat dinikmati oleh kumpulan pelajar yang lebih luas, termasuk mereka yang mungkin kurang terdedah kepada peluang pendidikan tinggi dan aktiviti berbentuk pengalaman langsung. Melalui peluasan skop ini, program berpotensi menjadi platform intervensi awal yang menyumbang kepada peningkatan aspirasi pendidikan, keyakinan diri, dan kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar yang berlatar belakang pelbagai. Kedua, penglibatan alumni dan wakil industri dicadangkan sebagai elemen tambahan dalam pelaksanaan program. Kehadiran alumni yang telah melalui pengalaman pengajian dalam bidang Mass Communication atau Pengajian Bahasa Inggeris dapat memberikan gambaran yang lebih autentik kepada pelajar tentang laluan akademik dan kerjaya sebenar. Pada masa yang sama, penglibatan wakil industri pula dapat memperkukuh kefahaman pelajar terhadap keperluan semasa pasaran kerja, kemahiran yang diperlukan, dan cabaran sebenar dalam bidang media, komunikasi, serta penggunaan bahasa dalam konteks profesional. Gabungan perspektif akademik dan industri ini diyakini dapat meningkatkan keberkesanan program dari segi pendedahan dan motivasi pelajar.

Ketiga, peningkatan modul hands-on perlu diberi perhatian supaya pengalaman pembelajaran menjadi lebih menarik, bermakna, dan relevan dengan realiti industri. Aktiviti seperti simulasi liputan berita secara langsung, penghasilan laporan mini, rakaman video pendek, penyuntingan kandungan media, atau projek produksi berskala kecil boleh dilaksanakan bagi memberi pengalaman yang lebih hampir dengan suasana kerja sebenar. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan penguasaan kemahiran praktikal, tetapi juga membantu pelajar membina pemahaman yang lebih mendalam terhadap proses kerja dalam bidang komunikasi dan media. Keempat, kajian susulan jangka panjang wajar dijalankan bagi menilai kesan sebenar program terhadap pilihan pendidikan dan hala tuju kerjaya pelajar selepas tamat sekolah. Kajian longitudinal akan membolehkan pengkaji mengenal pasti sama ada pengalaman yang diperoleh melalui program ini memberi kesan berterusan terhadap aspirasi akademik, pemilihan kursus pengajian, serta kecenderungan pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan. Dengan itu, keberkesanan program dapat dinilai secara lebih menyeluruh dan berasaskan bukti. Kelima, kolaborasi berterusan antara sekolah dan universiti perlu diperkukuh melalui penubuhan jaringan rasmi atau kerangka kerjasama yang lebih sistematik. Jaringan ini boleh berfungsi sebagai saluran komunikasi berterusan untuk melaksanakan program susulan seperti bimbingan akademik, sesi motivasi, ceramah kerjaya, dan bengkel kemahiran. Hubungan strategik yang berterusan ini penting bagi memastikan usaha mendekati pelajar tidak terhenti selepas satu program sahaja, sebaliknya berkembang sebagai intervensi pendidikan yang berimpak jangka panjang.

Seterusnya, integrasi Bahasa Inggeris secara sistematik disarankan dalam modul hands-on yang dilaksanakan. Elemen English for Specific Purposes (ESP) boleh dimasukkan melalui aktiviti seperti penggunaan skrip penyampaian dalam Bahasa Inggeris, latihan pengacaraan, pembentangan ringkas, penulisan kapsyen media, atau simulasi komunikasi profesional. Integrasi ini penting kerana Bahasa Inggeris bukan sahaja berfungsi sebagai mata pelajaran akademik, tetapi juga sebagai alat komunikasi utama dalam bidang komunikasi massa, media digital, dan industri kreatif. Pendekatan ini juga dapat membantu pelajar melihat kaitan langsung antara pembelajaran bahasa dan keperluan dunia sebenar. Di samping itu, pembangunan modul berasaskan industri amat disarankan supaya kandungan program lebih sejajar dengan keperluan pasaran kerja semasa. Kolaborasi bersama pihak industri media, komunikasi korporat, atau penerbitan digital boleh membantu merangka modul yang lebih relevan, terkini, dan

berfokuskan kemahiran kebolehpasaran graduan. Modul yang dibangunkan secara bersama ini juga dapat memastikan bahawa pendedahan yang diberikan kepada pelajar bukan bersifat teori semata-mata, sebaliknya mempunyai nilai guna yang jelas dalam konteks kerjaya masa hadapan. Akhir sekali, penggunaan teknologi digital perlu diperluas dalam pelaksanaan aktiviti hands-on. Integrasi kecerdasan buatan (AI) dan elemen digital storytelling boleh menjadikan program lebih dinamik dan selaras dengan perkembangan era digital. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja meningkatkan daya tarikan program kepada pelajar generasi baharu, tetapi juga membiasakan mereka dengan kemahiran digital yang semakin penting dalam dunia pendidikan dan pekerjaan masa kini. Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan ini diharap dapat memperkukuh reka bentuk dan pelaksanaan Program Jelajah ke Sekolah agar lebih inklusif, relevan, dan berdaya saing. Penambahbaikan yang dicadangkan bukan sahaja menyokong pencapaian objektif program, malah berpotensi menjadikan program ini sebagai model outreach universiti-sekolah yang berkesan dalam membangunkan minat, aspirasi kerjaya, dan kesiapsiagaan pelajar terhadap pendidikan tinggi serta alam pekerjaan.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan hands-on dalam Program Jelajah ke sekolah telah memberi kesan yang signifikan terhadap pembentukan aspirasi kerjaya, peningkatan kefahaman tentang bidang kerjaya, dan kesedaran terhadap kepentingan melanjutkan pendidikan tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Melalui temu bual mendalam, jelas bahawa aktiviti hands-on bukan sahaja memberi pendedahan baharu, malah membina motivasi dalaman pelajar untuk merancang masa depan mereka. Program ini juga berfungsi sebagai jambatan komunikasi antara universiti dan sekolah, yang berpotensi meningkatkan pengaruh universiti dalam memupuk minat pelajar terhadap bidang pengajian tertentu. Di samping itu, kajian ini turut memperlihatkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman mampu memperkukuh pembangunan kemahiran insaniah pelajar seperti keyakinan diri, keupayaan berkomunikasi, serta kebolehan bekerjasama dalam kumpulan. Elemen-elemen ini merupakan komponen penting dalam pembelajaran abad ke-21 yang menuntut pelajar bukan sahaja menguasai pengetahuan, tetapi juga kemahiran praktikal dan sosial yang relevan dengan dunia sebenar. Dari perspektif Pengajian Bahasa Inggeris pula, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa integrasi bahasa dalam konteks autentik seperti aktiviti media dan komunikasi mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa. Pelajar didapati lebih cenderung menggunakan Bahasa Inggeris secara spontan dan bermakna apabila mereka terlibat dalam situasi komunikasi sebenar, berbanding pembelajaran secara tradisional yang lebih berfokus kepada teori. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan kontekstual dan berasaskan pengalaman berpotensi menjadi strategi penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar.

Selain itu, kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memperlihatkan bagaimana program outreach universiti boleh berfungsi sebagai mekanisme intervensi awal dalam membentuk aspirasi pendidikan dan kerjaya pelajar. Dalam konteks ini, universiti bukan sahaja berperanan sebagai institusi penyedia pendidikan tinggi, tetapi juga sebagai agen perubahan sosial yang membantu memperluas akses, pendedahan, dan peluang kepada pelajar sekolah. Namun demikian, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan, antaranya saiz sampel yang kecil serta fokus kepada tiga buah sekolah

sahaja, yang mungkin menghadkan kebolegunaan dapatan kepada konteks yang lebih luas. Oleh itu, kajian lanjutan yang melibatkan sampel yang lebih besar, pelbagai latar belakang sekolah, serta pendekatan kuantitatif atau campuran (mixed-method) adalah disarankan bagi memperkukuh lagi dapatan kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pendekatan hands-on dalam program outreach bukan sahaja berkesan dalam meningkatkan minat dan kefahaman pelajar, malah berpotensi menjadi model pendidikan alternatif yang lebih inklusif, relevan, dan responsif terhadap keperluan semasa pendidikan dan industri.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abd Rahim, N., Mohamed, Z., Tasir, Z., Shariff, S.A. (2022): Impact of experiential learning and case study immersion on the development of entrepreneurial self-efficacy and opportunity recognition among engineering students. – *Higher Education Pedagogies* 7(1): 130-145.
- [2] Abu Bakar, R.N., Aris, N., Mohamad, N. (2024): Self-efficacy levels among TVET graduates in career decision-making ability. – *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities* 9(2): 103-111.
- [3] Ahmad Kamil, M., Syed Husain, S.S., Abdul Kadir, Z. (2025): Professional communication for employability: A qualitative study of graduate and employer insights. – *Business and Professional Communication Quarterly* 21p.
- [4] Aksoy, A., McCord, A. (2024): Preparing the future communication professional: Exploring student's perceived knowledge, skills, and abilities through experiential learning projects. – *Kentucky Journal of Communication* 42(2): 105-124.
- [5] Archer, R.M., Wagner, M., Snell, L. (2026): A theoretical framework for experiential learning: Creating Active Knowledge Experiences (CAKE). – *Advances in Health Sciences Education* 31p.
- [6] Aubrey, S. (2022): Dynamic engagement in second language computer-mediated collaborative writing tasks: Does communication mode matter? – *Studies in Second Language Learning and Teaching* 12(1): 59-86.
- [7] Braun, V., Clarke, V. (2021): *Thematic analysis: A practical guide*. – SAGE Publications, London 376p.
- [8] Braun, V., Clarke, V. (2006): Using thematic analysis in psychology. – *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77-101.
- [9] Campbell, Y.M., Gedat, R. (2021): Experiential learning through field trips: Effects on educational, social and personal development among linguistics majors. – *Journal of Cognitive Sciences and Human Development* 7(2): 131-144.
- [10] Cardullo, V.M., Wilson, N.S., Zygoris-Coe, V.I. (2015): Enhanced student engagement through active learning and emerging technologies. – In *Handbook of Research on Educational Technology Integration and Active Learning*, IGI Global 18p.

- [11] Chen, J.C., Liu, C.Y. (2025): Developing an interdisciplinary hands-on learning activity with the 6E model to improve students' STEM knowledge, learning motivation and creativity. – *Journal of Computer Assisted Learning* 41(3): 15p.
- [12] Dhivya, D.S., Hariharasudan, A., Nawaz, N. (2023): Unleashing potential: Multimedia learning and Education 4.0 in learning professional English communication. – *Cogent Social Sciences* 9(2): 22p.
- [13] Duchatelet, D., Cornelissen, F., Volman, M. (2024): Features of experiential learning environments in relation to generic learning outcomes in higher education: A scoping review. – *Journal of Experiential Education* 47(3): 400-423.
- [14] Chung, E., Mathew, V.N. (2018): Undergraduate-community engagement: Evidence from UiTM Sarawak. – *Asian Journal of University Education* 14(1): 15-36.
- [15] Erickson, M.G., Marks, D., Karcher, E. (2020): Characterizing student engagement with hands-on, problem-based, and lecture activities in an introductory college course. – *Teaching & Learning Inquiry* 8(1): 138-153.
- [16] Fantini, A.E. (2020): Reconceptualizing intercultural communicative competence: A multinational perspective. – *Research in Comparative and International Education* 15(1): 52-61.
- [17] Fang, F., Chen, R., Elyas, T. (2020): An investigation of the relationship between global perspective and willingness to communicate in English in a Chinese university context. – *Journal of Language and Education* 6(1): 39-54.
- [18] Fanta, P., Cupal, L., Skokanová, D. (2022): Experience with various forms of hands-on teaching. – *EDULEARN22 Proceedings* 5p.
- [19] Fenwick, T.J. (2000): Expanding conceptions of experiential learning: A review of the five contemporary perspectives on cognition. – *Adult Education Quarterly* 50(4): 243-272.
- [20] Fong, W.D., Cheah, P.K., Siah, P.C. (2025): Advancing understanding of service-learning: A case study of a university in Malaysia. – *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 22(1): 117-139.
- [21] Geagea, A., MacCallum, J. (2020): Murdoch's Aspirations and Pathways for University (MAP4U) project: Developing and supporting low SES students' aspirations for higher education participation using school-based university outreach programs. – In *Strategies for Supporting Inclusion and Diversity in the Academy*, Palgrave Macmillan 20p.
- [22] Genkova, P., Kruse, L. (2020): Do stays abroad increase intercultural and general competences, affecting employability? – *Leadership, Education, Personality: An Interdisciplinary Journal* 2: 81-89.
- [23] Ghazzawi, I., Lee, B., Cho, Y. (2019): Reaching out to underserved high school students: An experiential approach to higher education. – *Journal of Higher Education Theory and Practice* 19(4): 42-59.
- [24] Ghazali, A., Md Khalid, N., Yahya, A.N., Harrington, I. (2024): Career maturity and intervention strategies: A bibliometric approach. – *Journal of ASIAN Behavioural Studies* 9(28): 23-35.
- [25] Hamidani, K., Neo, T.K., Perumal, V., Amphawan, A. (2025): Development of extended reality projects: The role of project-based experiential learning in fostering student engagement. – *Cogent Education* 12(1): 22p.
- [26] Hamzah, S.R., Kai Le, K., Musa, S.N.S. (2021): The mediating role of career decision self-efficacy on the relationship of career emotional intelligence and self-esteem with career adaptability among university students. – *International Journal of Adolescence and Youth* 26(1): 83-93.
- [27] Holstermann, N., Grube, D., Bögeholz, S. (2010): Hands-on activities and their influence on students' interest. – *Research in Science Education* 40: 743-757.
- [28] Huang, B., Jong, M.S.Y., King, R.B., Chai, C.S., Jiang, M.Y.C. (2022): Promoting secondary students' twenty-first century skills and STEM career interests through a

- crossover program of STEM and community service education. – *Frontiers in Psychology* 13: 11p.
- [29] Ismail, M.D., Razali, M.Z., Shah Alam, S. (2015): Individual needs, cooperative learning and academic achievement among university's students. – *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1): 115-121.
 - [30] Jasmih, J.I., Ngui, W. (2026): Enhancing ESL learners' speaking confidence through real-life simulation: A qualitative case study. – *Jurnal Pemikir Pendidikan* 14(1): 83-94.
 - [31] Jusoh, M.N.H., Gani, P., Hadibarata, T., Jusoh, M.N.H. (2025): Enhancing STEM awareness through university outreach program in rural school. – *Acta Pedagogica Asiana* 4(2): 124-135.
 - [32] Kang, J., Roestel, N.M.E., Girouard, A. (2022): Experiential learning to teach user experience in higher education in past 20 years: A scoping review. – *Frontiers in Computer Science* 4: 16p.
 - [33] Karim, N.B.A., Rahman, N.I., Kaur, H. (2024): The impact of outcome expectation towards career choices among secondary school students' in Petaling District, Malaysia. – *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14(5): 1489-1507.
 - [34] Karim, N.I.A., Rasdi, R.M. (2021): The interplay between career decision making efficacy, career exposure and career choice of undergraduates: Does gender matters? – *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(19): 131-146.
 - [35] Aziz, A.A., Kashinathan, S. (2021): ESL learners' challenges in speaking English in Malaysian classroom. – *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 10(2): 983-991.
 - [36] Khan, A., Hassan, N., Cheng, L. (2025): Investigating the contextual factors mediating washback effects of a learning-oriented English language assessment in Malaysia. – *Language Testing in Asia* 15: 29p.
 - [37] Kolb, D.A. (1984): *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. – Prentice-Hall, Englewood Cliffs, New Jersey 256p.
 - [38] Kong, Y. (2021): The role of experiential learning on students' motivation and classroom engagement. – *Frontiers in Psychology* 12: 12p.
 - [39] Lau, P.L., Chung, Y.B., Wang, L. (2021): Effects of a career exploration intervention on students' career maturity and self-concept. – *Journal of Career Development* 48(4): 311-324.
 - [40] Lau, P.Y.Y., Lee, C.K.C., Ho, C.K. (2019): University student engagement in learning: Insights from academic fieldtrips in the Malaysian tropical rainforests. – *Education + Training* 61(3): 342-358.
 - [41] Madan, R., LeChasseur, K., Boucher-Yip, E. (2026): Cultivating communications skills as career preparation through multiple project experiences. – *Industry and Higher Education* 40(1): 3-14.
 - [42] Mariappan, L. (2025): Examining the influence of outdoor experiential learning on ESL vocabulary retention. – *Cogent Education* 12(1): 23p.
 - [43] Mohamad, A.H., Yusof, F.M., Aris, B. (2014): Online cooperative learning for communication and team working skills enhancement. – *Jurnal Teknologi* 69(1): 137-143.
 - [44] Morris, T.H. (2020): Experiential learning – A systematic review and revision of Kolb's model. – *Interactive Learning Environments* 28(8): 1064-1077.
 - [45] Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2018): *The future of education and skills: Education 2030*. – OECD Education Policy Perspectives 98, OECD Publishing, Paris 23p.
 - [46] Prince, M. (2004): Does active learning work? A review of the research. – *Journal of Engineering Education* 93(3): 223-231.

- [47] Salih, A.A., Omar, L.I. (2021): Globalized English and users' intercultural awareness: Implications for internationalization of higher education. – *Citizenship, Social and Economics Education* 20(3): 181-196.
- [48] Wang, C., Mirzaei, T., Xu, T., Lin, H. (2022): How learner engagement impacts non-formal online learning outcomes through value co-creation: An empirical analysis. – *International Journal of Educational Technology in Higher Education* 19: 26p.
- [49] Wang, X.C., Zhang, M., Wang, J.X. (2024): The effect of university students' academic self-efficacy on academic burnout: The chain mediating role of intrinsic motivation and learning engagement. – *Journal of Psychoeducational Assessment* 42(7): 798-812.
- [50] Wibowo, A.H., Mohamad, B., Djatmika, Santosa, R. (2024): Designing and assessing experiential learning pedagogy for an intercultural communicative competence training module: A quasi experimental study. – *Frontiers in Education* 9: 13p.